

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap penguasaan pelajar dalam tajuk *al-'adad wa al-ma'du:d* Bahasa Arab (BA), jenis-jenis *al-'adad* serta peraturan yang berkaitan dengannya. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti kelemahan pelajar dalam konteks mempelajari dan memahami konsep *al-'adad wa al-ma'du:d* BA secara khusus, di samping bertujuan mengesan aspek *al-'adad wa al-ma'du:d* BA yang dianggap paling sukar untuk dikuasai oleh mereka serta punca kesukaran berkenaan. Beberapa langkah penyelesaian berkesan dalam memahami dan menguasai topik yang dikaji ini dicadangkan di bab akhir kajian. Sampel kajian terdiri daripada 100 orang pelajar yang sedang menuntut di tingkatan lima al-Madrasat al-Idri:siyyat dan Ma'had al-Mi:zan, Kuala Kangsar, Perak. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dan analisis diskriptif digunakan dalam menganalisis dapatan kajian. Dapatan kajian dianalisis berdasarkan kepada peratus, min dan taburan skor. Hasil kajian mendapati tahap penguasaan pelajar dalam tajuk kajian masih lagi di tahap lemah dan memerlukan langkah penyelesaian yang sesuai, khususnya dalam mengurangkan gangguan daripada bahasa ibunda pelajar. Kekeliruan dikenalpasti sebagai antara masalah yang dihadapi pelajar dalam menguasai tajuk ini. Mereka keliru dengan jenis-jenis *al-'adad*, keliru dalam membezakan di antara *al-'adad mabniy* dengan *al-'adad mu'rabb*, keliru dalam menentukan tanda baris yang sesuai bagi *al-'adad* atau *al-ma'du:d* serta keliru dalam menentukan penggunaan *al-'adad al-asliyy* atau *al-'adad al-tartibiy*. Kajian ini membawa implikasi kepada perlunya semua guru dan juga pelajar BA menggunakan strategi dan kaedah tertentu bagi memahami dan menguasai tajuk seumpama ini dengan lebih berkesan.

## ABSTRACT

This study is done to identify the mastery level of *al-'adad wa al-ma'du:d* in the Arabic Language among students, together with the types of *al-'adad* and its regulations related to it. This study also aims specifically to identify students' weaknesses in learning and understanding the *al-'adad wa al-ma'du:d* concept besides identifying the most difficult aspect and detecting the most difficult source. A few effective steps in understanding and mastering the topic of study were suggested in the final chapter of this research. Samples were taken from 100 form five students of al-Madrasat al-Idri:siyyat and Ma'had Al-Mi:zan, both in Kuala Kangsar, Perak. This study is a quantitative study and had used descriptive analyses in analysing its research findings. These findings were analysed based on percentage, the mean and the scattered scores in range. Study showed that the students' level of mastering the topic of study is still weak and needed suitable solutions, especially in decreasing the influence of the students' mother tongue. Confusion was identified as among the problems faced by students in mastering the topic of study. The students were confused with the types of *al-'adad*, in differentiating between *al-'adad mabniy* and *al-'adad al-mu'rabb*, in placing the suitable *dammat*, *kasrat* or *fathat* signs (short vowels) for the *al-'adad* and *al-ma'du:d* and were also confused in the usage of *al-'adad al-asliyy* or *al-'adad al-tarti:biyy*. This study conclusively implies that all Arabic Language teachers and students need to use certain strategies and methodologies more effectively in understanding and mastering the topic of study.

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف المرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين، وبعده

Pertamanya pengkaji ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Dekan Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya, Prof. Dr. Zuraidah bt. Mohd Don yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang dalam urusan pentadbiran dan akademik di Fakulti Bahasa dan Linguistik.

Kedua, pengkaji ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Dr. Wan Hasan bin Wan Mat yang sentiasa memberi panduan, idea, bimbingan, pandangan dan dorongan yang amat penting dan berharga dari awal kajian ini dijalankan sehingga kajian ini dapat disempurnakan. Tanpa nasihat dan teguran membina serta tunjuk ajar beliau, kemungkinan tesis ini tidak dapat disempurnakan dalam jangka masa yang ditetapkan.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada semua pensyarah di Fakulti Bahasa Dan Linguistik UM yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang telah mencerahkan ilmu dan memberi bimbingan sepanjang tempoh pengajian pengkaji di fakulti ini, khususnya dalam proses menyiapkan disertasi ini.

Pengkaji juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Pengetua Kanan SMK Bukit Merchu, Kuala Kangsar, Perak, Puan Noor Aini Bt A. Bakar yang telah memberikan keizinan dan sokongan kepada pengkaji untuk menyambung pelajaran. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan sejawat di SMK Bukit Merchu. Ucapan terima kasih juga

diucapkan kepada barisan pentadbir, guru-guru serta pelajar al-Madrasat al-Idri:siyyat dan SMA Ma‘had al-Mi:zan, Kuala Kangsar Perak yang telah terlibat dalam projek penyelidikan ini. Kerjasama dan kesungguhan anda semua, hanya Allah sahaja yang dapat membalaunya.

Tidak ketinggalan, pengkaji juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengurusan perpustakaan-perpustakaan yang telah dilawati dalam proses menyiapkan disertasi ini iaitu Perpustakaan Utama UM, Perpustakaan Fakulti Bahasa Dan Lingustik UM, Perpustakaan Peringatan Za’ba UM dan juga Perpustakaan Kolej Islam Darul Ridzuan, Kuala Kangsar Perak.

Sekalung penghargaan yang tidak ternilai khas untuk seluruh ahli keluarga yang terpaksa berkorban masa dan kasih sayang sepanjang ditinggalkan dalam proses menyambung pelajaran dan menyiapkan disertasi ini. Buat isteri, Noor Hafizah Binti Abu Hassan, terima kasih di atas pengorbanan yang telah anda berikan. Terima kasih kerana memberi sokongan dan dorongan untuk pengkaji menyambung pengajian, walaupun terpaksa bergelut dengan kesibukan di antara menguruskan kerjaya, menjalankan tugas harian dan menguruskan anak-anak di rumah. Kepada bonda tercinta, Kamariah Hj. Ali dan ayahanda tersayang Hj. Hussin Awang Ahmad, juga jutaan terima kasih diucapkan kerana telah membesarluarkan pengkaji dan menanamkan bibit-bibit cintakan ilmu sejak dari usia pengkaji setahun jagung. Hanya Allah Ta‘a:la: jua yang boleh membalaunya jasa kalian dengan kebaikan dunia dan juga akhirat.

Kepada anak-anak tersayang, jutaan kemaafan andainya kesibukan di antara menguruskan kerjaya dan menyambung pengajian ini telah menyebabkan anda semua sedikit terabai.

Hayatilah usaha yang sedikit ini. Semoga usaha ini menjadi pendorong kepada kalian semua untuk meraih kejayaan yang lebih cemerlang berbanding dengan pencapaian ayahanda. Semoga kalian akan menjadi anak yang sa:lih dan sa:lihat.. A:mi:n Ya Rab al-'A:lam:i:n.

Ucapan terima kasih juga tidak dilupakan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan kajian ini, sama ada yang dinyatakan atau tidak dinyatakan di sini. Semoga jasa kalian mendapat balasan yang setimpal daripada Allah Ta'a:la:.

Akhirnya, semoga penyelidikan ini mendapat restu dan keberkatan daripada Allah yang Maha Esa seterusnya dapat membantu menegakkan syiar Islam dan BA di Negara kita yang tercinta.

وإلى الله ترجع الأمور

Mohamad Bin Hussin

Kuala Kangsar,

Perak, Darul Ridzuan.

